



Hasan melihat senarai harga makanan selepas merasmikan KFR1M pertama di UMP, Gambang, semalam.

[FOTO AINAL MARHATON ABD GHANI/BH]

Lebih banyak kafe rakyat dibuka di IPT

» KFR1M bantu pelajar kurang kos sara hidup

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Lebih banyak Kafe Rakyat 1Malaysia (KFR1M) akan dibuka di kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh negara mulai tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Hasan Malek, berkata sepanjang tahun ini, 10 KFR1M akan dibuka di IPT di Pahang selepas sambutan menggalakkan diterima daripada pembukaan kafe pertama di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, dekat sini, tiga bulan lalu.

Beliau berkata, pembukaan kafe rakyat itu membolehkan warga IPT terutama pelajar membeli makanan pada harga lebih rendah berbanding biasa, sekali gus membantu mengurangkan kos sara hidup masing-masing.

Sejak dibuka tiga bulan lalu di UMP, kafe ini men-

dapat sambutan menggalakkan daripada pelajar kerana harga ditawarkan amat berpatutan dengan kedudukan kewangan mereka.

"Pembukaan kafe rakyat ini sebenarnya banyak membantu mereka yang ada antaranya mengalami masalah kewangan terutama daripada keluarga kurang berkemampuan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena majlis perasmian KFR1M pertama di UMP semalam.

KFR1M menawarkan 90 peratus jualan makanan dan

minuman secara pakej iaitu pakej sarapan pagi RM2 untuk 18 pilihan makanan, manakala RM4 untuk 30 jenis makan tengah hari dan malam iaitu lapan jenis sayur, 12 masakan berasaskan ayam dan 10 jenis masakan ikan.

Menu sampingan

Selain itu, kafe berkenaan juga menawarkan menu sampingan seperti telur dadar, telur asin, sambal tempe serta pilihan lapan jenis minuman diberikan secara percuma.

Dalam pada itu, Hasan berkata, KFR1M seterusnya akan dibuka di Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) Semambu; Kolej Matrikulasi Gambang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Jengka dan Politeknik Muadzam Shah, Rompin, Kolej Polytech MARA dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

FAKTA NOMBOR

10 KFR1M

akan dibuka di IPT di Pahang